Chong Chee Boon lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–56 TAHUN 2006
SURAYA OTHMAN PK
3 JANUARY 2007

Penahanan Pencegahan — Perintah tahanan — Tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 — Perintah tahanan Menteri Keselamatan Dalam Negeri — Permohonan pelepasan — Sama ada terdapat salah aturan prosedur di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 — Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 6(1) & 10 — Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 kk 3(1) & 5(1)

Pemohon telah ditahan melalui perintah tahanan Menteri Keselamatan Dalam Negeri selama dua tahun untuk mencegahnya daripada perlakuan jenayah yang melibatkan kekerasan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut'). Mahkamah ini telah mendengar permohonan untuk melepaskan daripada tahanan dan telah menolak permohonan tersebut. Pemohon telah membangkitkan empat alasan; pertama adalah terdapat salah aturan prosedur di mana pemohon mendakwa bahawa semasa ditahan mengikut s 6(1) Akta tersebut beliau tidak diserahkan dengan dokumen-dokumen serta borang-borang yang mencukupi menurut peruntukan di bawah k 3(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ('Kaedah tersebut'). Pemohon telah juga merujuk kepada *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia* [1991] 3 MLJ 28 untuk menyokong permohonannya. Kedua, syor-syor mengenai representasi pemohon kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah s 10 Akta tersebut tidak dilampirkan sebagai ekshibit di dalam afidavit pihak responden. Pemohon pula merujuk kepada kes-kes *Muhammad Jailani bin Kassim lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri*, Rayuan Jenayah No 05–34 Tahun 2006 dan *Lo Sung Ye lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri*, Permohonan Jenayah No 44–46 Tahun 2006. Ketiga, pemohon tidak dapat memahami apa yang berlaku semasa prosiding pendengaran representasi oleh lembaga penasihat dan nota keterangan juga tidak dilampirkan sebagai ekshibit. Keempat, pendengaran representasi pemohon adalah tidak sah

kerana beliau tidak memahami isi kandungan Borang II. Ini melanggar k 5(1) Kaedah tersebut.

Diputuskan, menolak permohonan:

(1) Borang I telah diterima oleh pemohon pada 29 Ogos 2005 tetapi hanya dilengkapkan dan ditandatangani oleh beliau pada 2 September 2005 semasa berada di pusat tahanan. Terdapat perbezaan tarikh iaitu tarikh ia telah diserahkan kepada pemohon dan tarikh ia diisi oleh pemohon. Tiada ketidakpatuhan di dalam kes ini kerana ketiga-tiga dokumen yang diperlukan telah diserah kepada pemohon mengikut k 3(1) Kaedah tersebut di mana ia telah diserah bersekali (lihat perenggan 6); *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28 dibeza.

(2) Mahkamah telah menerima hujah peguam kanan persekutuan bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah mendeposkan afidavit yang menyatakan bahawa laporan tangkapan dan penyiasatan serta syor-syor yang dibuat oleh lembaga penasihat tidak dapat dizahirkan kerana ia bertentangan dengan kepentingan negara. Ini sejajar dengan peruntukan perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan (lihat perenggan 8); *Muhammad Jailani bin Kassim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403 dan *Lo Sung Ye lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri,* Permohonan Jenayah No 44–46 Tahun 2006 dibeza.

(3) Dakwaan ketiga pemohon tidak mempunyai merit dan telah ditolak. Prosiding lembaga penasihat telahpun diterjemah dan diterangkan kepada pemohon di dalam bahasa Mandarin. Ini disokong oleh jurubahasa Mandarin sepanjang prosiding persidangan lembaga tersebut (lihat perenggan 10).

(4) Alasan keempat pemohon telah ditolak oleh mahkamah. Bahasa Melayu yang terlalu mudah telah digunakan dan penerangan tersebut tidak memerlukan kefahaman yang mendalam (lihat perenggan 11).

[English summary

The applicant was remanded by a detention order of the Minister of Internal Affairs for two years to prevent him from committing the crime involving violence under the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985 ('the Act'). This court had heard the application to release from detention and dismissed the said application. The applicant had raised four grounds; firstly that there was a procedural irregularity where the applicant alleged that whilst being detained in accordance to s 6(1) of the Act he was not supplied with

A the sufficient documents and forms by virtue of the provision under r 3(1) of the Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) (Advisory Board Procedure) Rules 1987 ('the said Rules'). The applicant had also referred to *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia* [1991] 3 MLJ 28 to support his application. Secondly, the proposals of the applicant's B representation to the Yang di-Pertuan Agong under s 10 of the Act was not annexed as an exhibit in the respondent's affidavit. The applicant also referred to the cases of *Muhammad Jailani bin Kassim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri*, Criminal Appeal No 05–34 of 2006 and *Lo Sung Ye v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri*, Criminal Application No C 44–46 of 2006. Thirdly, the applicant did not understand what happened during the hearing proceeding of the representation by the advisory board and the notes of evidence was also not annexed as an exhibit. Fourthly, the hearing of the applicant's representation was not valid as he did not understand the contens of Form II. This contravened r 5(1) of the said Rules. D

Held, dismissing the application:

E (1) The applicant received Form I on 29 August 2005 but he only completed and signed it on 2 September 2005 when he was in the detention center. There were differences in the dates ie the date it was sent to the applicant and the date it was completed by the applicant. There was no non-compliance in this case as the three documents F required had been sent to the applicant according to r 3(1) of the said Rules where it was sent together (see para 6); *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28 distinguished.

G (2) The court admitted the submission of the senior federal counsel that the Deputy Minister of Internal Affairs had deposited the affidavit which stated that the arrest report and the inquiry and also the proposals made by the advisory board could not be produced as it contravened with the country's interest. This was in line with the H provision of art 151(3) of the Federal Constitution (see para 8); *Muhammad Jailani bin Kassim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403 and *Lo Sung Ye lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri,* Permohonan Jenayah No 44–46 Tahun 2006 distinguished.

I (3) The third allegation of the applicant was without merit and was dismissed. The proceeding of the advisory board had been construed and explained to the applicant in Mandarin. This was supported by a Mandarin interpreter during the proceeding of the board conference (see para 10).

(4) The applicant's fourth ground was dismissed by the court. Simple Bahasa Malaysia language had been used and the explanation did not need in depth understanding (see para 11).]

Notes

Untuk kes-kes mengenai tahanan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1360–1365.

Kes-kes yang dirujuk

Chan Ng v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1995] MLJU 419; [1995] 2 CLJ 795 (dirujuk)

Christie v Leachinsky [1947] 1 All ER 567 (dirujuk)

Kam Teck Soon v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors and other appeals [2003] 1 MLJ 321 (dirujuk)

Lo Sung Ye lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Permohonan Jenayah No 44–46 Tahun 2006 (dibeza)

Muhammad Jailani bin Kassim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors [2006] 6 MLJ 403 (dibeza)

Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1991] 3 MLJ 28 (dibeza)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ss 6(1), 10, 14

Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 kk 3(1), 5(1), Borang I, II

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 41 k 11(1)

Perlembagaan Persekutuan perkara 151(3)

T Suresh (Rama Samuel & Associates) bagi pihak pemohon.

Najib bin Zakaria (Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Suraya Othman PK:

[1] Pemohon telah ditahan melalui perintah tahanan Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkuat kuasa 11 Mac 2006 selama dua tahun di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor atas alasan untuk mencegahnya daripada perlakuan jenayah yang melibatkan kekerasan, di bawah Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut').

[2] Permohonan untuk dilepaskan daripada tahanan tersebut melalui writ habeas corpus telah didengar oleh mahkamah ini pada 14 November 2006.

Permohonan tersebut telah ditolak setelah mahkamah mendengar dan mempertimbangkan empat isu yang dikemukakan oleh pemohon sebagai alasan bahawa penahanan beliau adalah tidak sah.

ISU PERTAMA

[3] Isu pertama adalah berkenaan terdapatnya salah aturan prosedur di mana pemohon mendakwa beliau telah ditahan mengikut s 6(1) Akta Dadah Merbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ('Akta tersebut') dan tidak diserahkan dengan dokumen-dokumen serta borang-borang yang mencukupi menurut peruntukan di bawah k 3(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987 ('Kaedah tersebut'). Peguam pemohon menghujahkan bahawa perintah tahanan tersebut tidak sah kerana perintah tahanan bertarikh 29 Ogos 2005 dan pengataan fakta yang atasnya perintah itu dibuat (allegation of facts) telah disampaikan kepada pemohon pada tarikh 29 Ogos 2005 berdasarkan kepada tandatangan pemohon pada perintah tahanan tersebut. Walau bagaimanapun, Borang 1 iaitu borang representasi (rayuan) ke lembaga penasihat telah diserahkan kepada pemohon pada 2 September 2005 berdasarkan kepada tarikh yang tercatat pada Borang I tersebut dan ditandatangani oleh pemohon sendiri. Merujuk kepada k 3(1) Kaedah tersebut yang berbunyi:

> When any person is served with a detention order, the police officer serving the detention order *shall at the same time* —
>
> (a) inform that person of his right to make representations against the detention order; and
>
> (b) provide him with three copies of Form I prescribed in the Schedule and obtain from him an acknowledgement of the receipt thereof.

[4] Perkataan yang digunakan di dalam Kaedah tersebut adalah 'shall at the same time' yang membawa maksud dokumen-dokumen dan borang-borang (perintah tahanan, pengataan fakta dan Borang I) hendaklah disampaikan kepada pemohon pada masa dan waktu yang sama (bersekali).

[5] Peguam pemohon seterusnya merujuk kepada kes *Puvaneswaran v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1991] 3 MLJ 28 untuk menyokong permohonannya. Mahkamah ini berpendapat bahawa kes *Puvaneswaran* berbeza dengan kes di hadapan mahkamah hari ini kerana tiada perlanggaran kehendak prosedur dilakukan bagi tujuan penyampaian berkenaan salinan Borang I sepertimana terdapat di dalam kes tersebut. Peguam kanan persekutuan ('PKP') bagi pihak responden dalam hujahnya merujuk kepada afidavit ASP Mohd Sany bin Ismail di kandungan 13 yang

mendeposkan bahawa perintah tahanan (CCB-2), pengataan fakta (CCB-3) dan tiga salinan Borang I telah diserahkan kepada pemohon pada 29 Ogos 2005 jam 10.10 malam. Hujahnya lagi, salinan asal Borang I tidak dilampirkan sebagai ekshibit adalah atas alasan ia besar kemungkinan adalah borang kosong seperti yang diserahkan kepada pemohon pada tarikh 29 Ogos 2005. Jika salinan Borang I asal dilampirkan, adalah sia-sia kerana ia hanya borang kosong yang belum ditulis apa-apa oleh pemohon.

[6] Mahkamah ini bersetuju dengan penyataan pihak responden dan berpendapat bahawa Borang I telah diterima oleh pemohon pada 29 Ogos 2005 tetapi hanya dilengkapkan dan ditandatangani oleh beliau pada 2 September 2005 semasa berada di pusat tahanan. Oleh itu terdapat perbezaan tarikh iaitu tarikh ia telah diserahkan kepada pemohon pada 29 Ogos 2005 dan tarikh ia diisi oleh pemohon pada 2 September 2005. Oleh yang demikian tiada ketidakpatuhan berlaku dalam kes ini kerana ketiga-tiga dokumen yang diperlukan (perintah tahanan, pengataan fakta dan tiga salinan Borang I) telah diserah kepada pemohon mengikut k 3(1) Kaedah tersebut di mana ia telah diserah bersekali.

ISU KEDUA

[7] Isu kedua berhubung syor-syor mengenai representasi pemohon kepada Yang di-Pertuan Agong di bawah s 10 Akta tersebut, tidak dilampirkan sebagai ekshibit di dalam afidavit pihak responden. Peguam pemohon berhujah bahawa di bawah A 41 k 11(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 memperuntukkan bahawa apa-apa dokumen yang hendak digunakan berhubung dengan mana-mana afidavit mestilah dikemukakan sebagai ekshibit dan salinannya dilampirkan. Peguam kanan persekutuan berhujah dengan merujuk kepada afidavit Suhaila bt Ibrahim di kandungan 8 yang menyatakan secara jelas bahawa lembaga penasihat setelah menimbangkan representasi pemohon, telah membuat syor-syor kepada Yang di-Pertuan Agong selaras dengan peruntukan di bawah s 10 Akta tersebut.

[8] Mahkamah berpendapat bahawa kes *Muhammad Jailani bin Kassim v Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [2006] 6 MLJ 403 dan kes *Lo Sung Ye lwn Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri,* Permohonan Jenayah No 44–46 Tahun 2006, haruslah dibezakan dengan kes di mahkamah ini. Ini kerana di dalam kedua-dua kes tersebut pihak responden telah gagal 'to plead the privilege of non-disclosure' menurut s 14 Akta tersebut. Mahkamah menerima hujah peguam kanan persekutuan bahawa Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri telah mendeposkan (sila lihat afidavit Yang Berhormat Chia Kwang Chye di kandungan 6) yang secara jelas menyatakan bahawa laporan tangkapan dan penyiasatan serta syor-syor yang dibuat oleh lembaga penasihat tidak dapat dizahirkan kerana

beliau berpandangan dengan berbuat demikian ia adalah bertentangan dengan kepentingan negara. Ini sejajar dengan peruntukan perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan yang menyebut sedemikian:

> Perkara ini tidak menghendaki mana-mana pihak berkuasa mendedahkan fakta yang pendedahannya pada pendapat pihak berkuasa itu akan bertentangan dengan kepentingan negara.

[9] Oleh yang demikian, walaupun afidavit Suhaila bt Ibrahim tidak menyatakan apa-apa pengakuan berhubung 'privilege' atau hak keistimewaan di bawah s 14, namun mahkamah menerima fakta bahawa ia telah dideposkan di dalam afidavit Timbalan Menteri di kandungan 6.

ISU KETIGA

[10] Aduan pemohon ialah terdapat kecacatan semasa prosiding pendengaran representasi oleh lembaga penasihat kerana pemohon tidak dapat memahami apa yang berlaku. Hujah peguam pemohon bahawa nota keterangan juga tidak dilampirkan sebagai ekshibit bagi menunjukkan prosiding tersebut adalah mengikut peruntukan undang-undang. Sebagai jawapan, peguam kanan persekutuan telah merujuk kepada afidavit Suhaila bt Ibrahim di kandungan 8 yang secara jelas menyatakan bahawa prosiding lembaga penasihat telah diterjemah dan diterangkan kepada pemohon oleh D/Kpl Lim Ek Ak di dalam Bahasa Mandarin. Kenyataan ini turut disokong oleh D/Kpl Lim Ek Ak (sila lihat kandungan 10) iaitu beliau merupakan jurubahasa Mandarin sepanjang prosiding persidangan lembaga tersebut dan telah menterjemahkan segala prosiding pendengaran representasi kepada pemohon ke dalam Bahasa Mandarin. Oleh yang demikian dakwaan pemohon tidak mempunyai merit dan harus ditolak oleh mahkamah.

ISU KEEMPAT

[11] Peguam pemohon mendakwa pendengaran representasi pemohon adalah tidak sah kerana pemohon tidak memahami isi kandungan Borang II yang diserahkan kepada beliau. Dari itu, ia melanggar k 5(1) Kaedah-Kaedah Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) (Prosedur Lembaga Penasihat) 1987, kerana pemohon hanya memahami Bahasa Mandarin atau Hakka. Mahkamah menolak dakwaan ini berdasarkan kepada afidavit Ramesh a/l Subramaniam di kandungan 22 yang secara jelas menyatakan bahawa bahasa Melayu yang terlalu mudah telah digunakan dan penerangan beliau tidak memerlukan kefahaman yang mendalam. Peguam kanan persekutuan merujuk kepada kes *Kam Teck Soon v Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors and other appeals* [2003] 1 MLJ 321; di mana Mahkamah Persekutuan telah menerima pakai penghakiman Viscount

Simon J, di dalam kes *Christie v Leachinsky* [1947] 1 All ER 567 di ms 572; Lord Du Parcq membuat kenyataan berikut:

> *The requirement that he should be so informed does not mean that technical or precise language need be used.* The matter is a matter of substance, and turns of the elementary proposition that in this country a person is, prima facie, entitled to his freedom and is only required to submit to restraint on his freedom *if he knows in substance the reason* why it is claimed that this restraint should be imposed.
>
> (Emphasis added.)

[12] Seterusnya dalam kes *Chan Ng v Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1995] MLJU 419; [1995] 2 CLJ 795, pemohon dalam kes tersebut telah diterangkan alasan-alasan penahanan beliau di dalam Bahasa Melayu yang mudah dan boleh difahami. Hakim Yang Arif Dato' Mohd Ghazali PK (sebagaimana beliau ketika itu), mendapati sukar untuk dipercayai bahawa pemohon tidak boleh memahami Bahasa Melayu yang mudah memandangkan pemohon adalah warganegara Malaysia. Oleh itu mahkamah berpendapat bahawa Bahasa Melayu yang mudah adalah wajar dan mencukupi bagi kes ini. Kaedah 5(1) Kaedah tersebut menyebut:

> Subject to the provisions of this Act, when any representation is received by the Secretary, the Chairman shall appoint a time and place for the consideration of the representation by the Board and *shall cause a notice* thereof in Form II in the Schedule to be served on the detained person and his advocate if such advocate is named in Form I.

[13] Oleh yang demikian, mahkamah percaya bahawa penyampaian Borang II tersebut adalah untuk memaklumkan kepada pemohon masa dan tarikh pendengaran representasi akan didengar. Tiada apa-apa peruntukan yang menyatakan bahawa Borang II harus diterangkan kepada pemohon berbeza dengan peruntukan k 3(1) berkenaan penyerahan Borang I.

[14] Berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah berpendapat tiada apa-apa ketidakpatuhan berlaku di dalam prosedur penahanan pemohon. Oleh itu tiada apa-apa isu yang timbul di sini dan permohonan oleh pemohon dengan ini ditolak.

Permohonan ditolak.

Reported by Chew Phye Ken